



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755 Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj.Tuan: PTJ 25/01/01
Ruj. Kami: PPDKLG.600-4/1/20 (23)
Tarikh : 12 Februari 2025

TAN CHUN HENG
PUSAT TUISYEN JINMA,
KLUANG

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN MENGANJURKAN FRIENDSHIP CHESS KLUANG 1.0

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Kluang (PPD Kluang) melalui Unit Pembangunan Bakat Murid telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program diatas daripada pihak tuan nombor rujukan **PTJ 25/01/01** bertarikh **3 Februari 2025**. Pihak PPD Kluang mengalu-alukan inisiatif semua pihak termasuk agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti sukan dan kokurikulum di daerah ini.

2. Sehubungan dengan itu, pihak PPD Kluang mengambil maklum serta **tiada halangan** bagi murid dari Daerah Kluang untuk menyertai **FRIENDSHIP CHESS KLUANG 1.0** yang akan diadakan pada **2 Mac 2025 bertempat di Pusat Tuisyen Jinma, Kluang. Penyertaan pada pertandingan ini layak diberikan pengiktirafan PAJSK peringkat Daerah Kluang.** Walau bagaimanapun, selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.24/1998, Bil.9/2000, Bil.9/2004, Bil.8/2009, Bil.10/2011, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Pihak tuan juga perlu mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, kelulusan ini adalah terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah sahaja bagi hal-hal berkaitan dengan perkara tersebut di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 2.1 Pihak penganjur hendaklah memohon kebenaran daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat;
- 2.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 2.3 Pihak penganjur hendaklah memberi maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 2.4 Penyertaan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pembelajaran mereka;
- 2.5 Surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;